

# Sumbangan Syaikh Yusuf Al-Makassari Abu Al-Mahasin Al-Taj Al-Khalwati (1626-1699) dalam Ilmu Tasawwuf: Menerusi Manuskrip Karyanya *Al-Barakah Al-Sailaniyyah*

**Muhammad Yusuf bin Khalid**

Pusat Pengkajian Kefahaman Ahlisunnah Waljama'ah  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan  
Brunei Darussalam.

Email: [yusuf.khalid@kupu.sb.edu.bn](mailto:yusuf.khalid@kupu.sb.edu.bn)

## Abstract

This paper aims to elucidate the biography of Syaikh Yusuf al-Makassari and his Sufi teachings through one of his manuscript treatises entitled *al-Barakah al-Sailaniyyah*. A compelling aspect of his biography is his dual role as a prominent leader of the resistance against Dutch colonialism in Banten, Indonesia, and as the Mufti and religious advisor to the Sultanate of Banten. His political and religious influence eventually led to his exile to Ceylon (Sri Lanka) and subsequently to Cape Town, South Africa, where his dawah efforts were instrumental in the foundation of local Muslim communities. The contents of the manuscript delineate various spiritual practices, including the nomenclature and methodologies of *dhikr* (remembrance), the spiritual benefits of *dhikr*, *mukashafah* (spiritual unveiling), and *muraqabah* (meditation), alongside the significance of repentance (*tawbah*) and steadfast adherence to Islamic tenets. Given that the manuscript is written entirely in Arabic, this study does not provide a verbatim translation of the complete text; rather, it focuses on analyzing its salient features. Although the manuscript is concise, it offers a dense and comprehensive synthesis of Sufism, serving as a significant guide for practitioners and scholars of the field.

**Keywords:** Syaikh Yusuf Makassari, Sufi Manuscript, Anti-Dutch Colonial Resistance, Islamic Dawah in Banten, Sri Lanka and South Africa

## Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan biografi Syaikh Yusuf Makassar dan ajaran Tasawwufnya menerusi salah sebuah manuskrip risalah beliau yang bertajuk “al-Barakah al-Sailaniyyah”. Aspek menarik dari biografi beliau ialah sebagai ketua pejuang menentang penjajahan Belanda di Banten, Indonesia, sebagai Mufti dan penasihat agama di istana Sultan Banten, sehingga dibuang negeri ke Cylon atau Srilanka kemudian ke Cape Town, Africa Selatan dimana beliau menyebarkan agama Islam sehingga membentuk sebuah Masyarakat Islam. Isi manuskrip ini berkaitan dengan nama-nama zikir, cara berzikir, faedah berzikir, mukashafah, muraqabah dan kepentingan bertaubat serta berpegang teguh kepada ajaran agama Islam. Memandangkan manuskrip ini dalam Bahasa Arab seratus peratus maka penulis tidak menterjemahkannya seratus peratus sebaliknya hanya menerangkan beberapa aspek penting. Sekalipun manuskrip ini pendek tetapi cukup padat dalam bidang ilmu Tasawwuf sebagai panduan bagi mereka yang berminat dalam ilmu Tasawwuf.

**Kata Kunci:** Syaikh Yusuf Makassari, Manuskrip Tasawwuf, pejuang menentang penjajah Belanda, Dakwah di Banten, Srilanka dan Afrika Selatan.

## Pendahuluan

Secara umum ilmu Tasawwuf belum berakar dan tersebar sebagaimana tersebar dan berakarnya ilmu Fiqh dan Aqidah di kalangan umta Islam. Adakah hal ini dirancang atau secara kebetulan? Memang ilmu Tasawwuf berada di peringkat ketiga jika kita menerima fakta bahawa asas ilmu Tasawwuf berdasarkan Ihsan dalam Hadis Jibril yang bermakna “*Ihsan ialah kamu menyembah Allah seakan akan kamu melihatNya, jika kamu tidak melihatNya sesungguhnya Dia melihat kamu*”. Adakah hal ini berlaku kerana umat Islam berasa cukup dalam beragama ketika memiliki ilmu Aqidah dan mengamalkan ilmu Fiqh dan tidak perlu lagi mengetahui dan mengamalkan ilmu Tasawwuf? Apatah lagi Allah banyak menyebutkan dalam al-Qur’an hal “*Mereka beriman dan beramal salih*” beriman bermakna memiliki ilmu Aqidah beramal bermakna memiliki ilmu Fiqh. Sekalipun Allah juga menyebutkan dalam al-Qur’an hal pentingnya penyucian jiwa “*Telah berjaya mereka yang menyucikan jiwanya*” sebanyak sekali. Ilmu

Tasawwuf sangat menekankan kepentingan mendekati diri kepada Allah SWT. dan salah satu cara mendekati diri kepada Allah ialah dengan menyucikan diri dari segala akhlak dan sifat yang keji. Dengan kata lain, memiliki ilmu Aqidah dan ilmu Fiqh namun tidak mengambil berat perkara akhlak mulia dan sifat terpuji maka dua ilmu itu akan tercemar dan kurang berkesan dalam mendidik tuannya untuk mendekati diri kepada Allah SWT.

Mungkin sukar menemukan seorang ulama yang berjaya menguasai empat bidang ilmu Islam dengan begitu baik dan seimbang seperti imam Ghazali, iaitu ilmu Aqidah, ilmu Fiqh, ilmu Falsafah dan ilmu Tasawwuf. Dengan kata lain beliau seorang ulama muktabar dalam empat bidang ilmu ini. Berbanding dengan syaikh Yusuf Makassari yang hanya menonjol dalam ilmu Tasawwuf dan karyanya kebanyakannya dalam ilmu Tasawwuf. Hal ini bukanlah satu kelemahan bahkan satu perkara yang kita dapat simpulkan bahawa imam Ghazali dan Syaikh Yusuf Makassari kedua-duanya adalah ulama ilmu Tasawwuf yang muktabar yang boleh kita amalkan ilmu mereka.

### **Biografi Ringkas Syaikh Yusuf Makassari**

Lahir di Gowa, Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia pada tahun 1626 dari pasangan Abdullah dan Aminah. Ada riwayat mengatakan bahawa ayahnya ialah nabi Khidr sebab Sultan Goa mengambil Aminah ibunya ketika mengandungkan syaikh Yusuf, sterusnya Syaikh Yusuf Makassari dibesarkan di istana Raj Gowa. Riwayat lain mengatakan ayah syaikh Yusuf ialah Sultan Goa sendiri iaitu Sultan Hasanuddin, namun riwayat ini tidak dapat diterima kerana diceritakan bahawa sebab syaikh Yusuf meninggalkan Makassar ialah kerana ditolak pinangannya untuk memperisterikan anak Sultan Goa, namun Sultan menolak kerana mahukan menantu yang kaya atau berilmu atau berani. Kalau ayah syaikh Yusuf Sultan Goa sendiri bagaimana beliau berhajat mengawini adik kandungnya sendiri? Ada riwayat mengatakan bahawa Sultan Gowa mengawini ibu Syaikh Yusuf setelah diceraikan oleh suaminya.

Sekitar usianya 18-20 tahun setelah mempelajari beberapa ilmu seperti Nahwu, Saraf, Bahasa Arab, ilmu Tasawwuf dan al-Qur'an syaikh Yusuf musafir ke Banten, Jawa dan sempat berkenalan dengan Sultan Banten dan anak Sultan yang bernama Ageng Tirtayasa. Dari Banten

menuju ke Aceh dan dari Aceh menuju ke Yaman dan Madinah. Menghabiskan sekitar 20 tahun di Timur Tengah menuntut ilmu terutamanya ilmu Tasawwuf sehingga sempat menerima ijazah dari 12 tarikat yang berlainan. Beliau juga pernah mengajar di Masjid Haram, Makkah.

Setelah Kembali ke Makassar, Syaikh Yusuf Makassar mendapati banyak amalan khurafat dan bid'ah sementara Sultan tidak bersungguh-sungguh untuk memberantasnya dan pada masa yang sama peristiwa penjajahan Belanda mulai mengganggu kehidupan masyarakat, akhirnya Syaikh Yusuf Makassar berhijrah ke Banten dan dilantik sebagai Mufti dan penasihat agama di Istana Banten. Ketika tentera Belanda menyerang Banten dan sekitarnya Syaikh Yusuf menjadi ketua mujahidin menentang penjajahan tentera Belanda. Tentera Belanda sempat kewalahan menghadapi pasukan Syaikh Yusuf Makassar. Tentera Belanda menggunakan tipu helah sehingga berjaya menangkap Syaikh Yusuf Makassar seterusnya membuangnya ke Srilanka bersama beberapa orang murid dan keluarganya. Dianggarkan Syaikh Yusuf Makassar belajar di Timur Tengah selama 20 tahun, berkhidmat di istana Sultan Banten sekitar 20 tahun, menetap di Srilanka sekitar 8 tahun dan tinggal di Café Town, Afrika Selatan selama 5 tahun dan meninggal dunia pada usia 73 tahun iaitu pada tahun 1699 di Cape Town, Afrika Selatan. Setelah beberapa tahun setelah Syaikh Yusuf Meninggal, warisnya dari Makassar memohon kepada pemerintah Afrika Selatan agar mayat Syaikh Yusuf dikembalikan ke Makassar, akhirnya Syaikh Yusuf Makassar mempunyai tiga maqam satu di Cape Town, satu di Makassar dan satu di Banten, malah ada riwayat mengatakan ada empat maqam iaitu satu lagi di Madura.

### *Al-Barakah Al-Sailaniyyah*

Manuskrip ini telah dikaji dengan pendekatan Filologi oleh seorang pelajar ijazah pertama di universiti Islam Negri (UIN) Ciputat, Jakarta, Indonesia bernama Ali Saputra pada tahun 2008 dan mengatakan bahawa naskah ini telah disalin beberapa kali. Pelajar telah menyediakan salinan online skripsi ijazah pertama dan satu artikel dalam journal mengenai manuskrip ini, bersama dengan teks manuskrip yang telah ditulis semula. Memandangkan dua bahan di atas ditulis dalam bahasa

Arab maka ada baiknya kalau ditulis satu makala dalam bahasa Melayu mengenai manuskrip ini dan isi kandungannya agar mereka yang tidak tahu bahasa Arab dapat juga menikmati isi kandungannya. Ali Saputra tidak menghurai isi kandungan manuskrip secara terperinci terutamanya cara-cara berzikir.

Tidak diketahui sebab syaikh Yusuf Makassari menulisnya dalam Bahasa Arab, adakah kerana masih terbiasa menulis dalam Bahasa Arab kerana telah menetap dan belajar di Timur Tengah selama 20 tahun atau ada sebab lain. Manuskrip ini telah ditulis di Cylon atau Srilanka dan murid-murid yang menyertainya dari Indonesia serta jamah Haji yang singgah di Srilanka ketika itu semuanya berbangsa Melayu atau Indonesia. Atau beliau sudah mempunyai wawasan yang luas bahawa tulisannya bukan hanya untuk pembaca di alam Melayu tetapi pembaca di seluruh dunia.

Dianggarkan syaikh Yusuf Makassari menghabiskan kebanyakan usianya di Banten sebagai Mufti dan pemimpin agama serta pejuang menentang penjajahan Belanda sejak berusia sekitar empat puluh tahun setelah menghabiskan dua puluh tahun usianya di Timur Tengan menuntut ilmu agama. Dan hanya sekitar lapan tahun di Srilanka serta lima tahun di Afrika Selatan. Sekalipun hanya lima tahun tinggal di Afrika Selatan namun sumbangannya sangat bermakna sehingga pemerintah Afrika Selatan mengabadikan fotonya pada Stamp negara pada tahun 2000. Dan mantan Presiden Afrika Selatan menganggap Syaikh Yusuf Makassari sebagai antara warga negara terbaik Afrika Selatan.

Barangkali kebanyakan karya ilmiahnya dihasilkan di Srilanka kerana dua daripadanya membawa nama Cylon iaitu *al-Barakah al-Sailaniyyah* dan *al-Nafhah al-Sailaniyyah*. Setakat ini daripada sekitar 30 manuskripnya baru dua manuskripnya diulas pada peringkat ijazah PhD iaitu "*Zubdah al-Asrar*" dan "*al-Nafhah al-Sailaniyyah*" dan satu pada peringkat ijazah pertama iaitu "*al-Barakah al-Sailaniyyah*".

Penulis tidak menyertakan di sini teks manuskrip secara lengkap kerana telah tersedia wujud online sekalipun bukan dalam bentuk asalnya. Penulis hanya menumpukan kepada ajaran-ajaran yang penting dalam manuskrip ini. Syaikh Yusuf Makassari secara konsisten dalam beberapa manuskrip karyanya bahawa zikir terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu zikir lisan dengan nafi ithbat, zikir hati dengan lafaz Allah,

Allah, dan zikir sirr dengan lafaz Huwa, Huwa. Namun dalam beberapa manuskrip karyanya beliau tidak menerangkan apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan sirr di sini, sirr adalah istilah terkenal di kalangan pengamal tarikat Tasawwuf, sebagai contoh ketika menyebut nama seorang tokoh Sufi terutamanya yang sudah meninggal dunia akan menggunakan ungkapan *Qaddasa Allah sirrahu*. Sebagai contoh syaikh Abd Kadir al-Jilani *Qaddasa Allah sirrahu*.

Dari segi Bahasa dapat difahami bahawa sirr disini bermakna rahasia iaitu perkara yang sulit, jadi ungkapan itu sejenis doa yang bermakna “semoga Allah menyucikan rahasiannya”. Tetapi zikir sirr dengan lafaz Huwa, Huwa barangkali tidak bermakna rahasia yang kita semua fahami iaitu sesuatu yang sulit. Ada yang mentafsirkan perkataan sirr sebagai ruh seseorang atau *al-Latifah al-Insaniyyah al-khafiyah* iaitu aspek manusia yang halus. Bermakna zikir sirr adalah zikir ruh kalau penafsiran ini dapat diterima. Gambaran bentuk lidah dan jantung dapat dilihat dengan mata kepala tetapi gambaran ruh tidak dapat dilihat, ertinya zikir Huwa, Huwa adalah zikirnya ruh. Adakah zikir ruh dengan lafaz Huwa, Huwa mesti terucap melalui ruh atau cukup sekadar mengingat sebagaimana pendapat imam al-Junaid al-Baghdadi ketika ditanya mengenai zikir khafi beliau menjawab bahawa zikir khafi ialah mengingat keagungan Allah, nikmatNya yang banyak dan siksaanNya yang amat pedih tanpa melafazkan lafaz zikir tertentu. Jawapan ini sangat rasional kerana zikir itu sendiri bermakna mengingat.

Berbeza dengan zikir lisan dan zikir hati semua orang Islam yang berpendidikan agama tahu maksudnya secara ringkas. Sementara Abd Samad al-Palembani membahagikan zikir kepada dua iaitu zikir hasanat iaitu hanya untuk mendapatkan pahala zikir dan zikir darajat iaitu zikir yang dapat meningkatkan darjat keruhanian seorang pengamal tarikat tasawwuf, dan zikir yang kedua diterma dari seorang guru mursyid dalam satu tarikat.

Beliau menegaskan bahawa zikir terbaik adalah dengan nafi ithbat berdasarkan hadis nabi “*Afdal al-Zikri La ilah Illa Allah*” namun dalam manuskrip asal barangkali beliau terlupa menyertakan hadis ini sebaliknya membawa pendapat Aishah isteri baginda nabi yang bermaksud “*Nabi berzikir setiap masa*”.

Beliau menjelaskan cara zikir nafi ithbat yang berkesan. Pertama menarik nafas dari bawah pusat dibawa naik ke otak kemudian menoleh ke sebelah kanan dengan mengucap *LA ILAH* agak lama sambil menafikan semua yang wujud termasuk dirinya sendiri kemudian menoleh ke sebelah kiri dengan menyebut lafaz *ILLA ALLAH* dengan memalukan kepala ke arah jantung di sebelah kiri dada sekuat tenaga agar memberi kesan kepada seluruh anggota badan. Kerana yang mahu dilembutkan dan difahamkan adalah jantung atau hati agar benar-benar faham dan tahu serta yakin bahawa yang wujud di alam ini pada hakikatnya hanyalah satu iaitu Allah SWT. Masih lagi dapat disaksikan dengan mudah di kalangan masyarakat Islam sekarang ada yang menggerakkan kepalanya ketika berzikir nafi ithbat namun tidak dengan suara yang kuat barangkali agar tidak menimbulkan fitnah di khalayak ramai.

Kalau dihubungkan dengan amalan masyarakat Islam di Chechnya, Russia yang bertarikat Qadiriyyah ketika mereka berzikir mereka melakukan pergerakan yang sangat kuat dengan menghentakkan kaki mereka ke lantai sambil keliling dalam bulatan secara beramai-ramai sekitar 15 orang dalam satu bulatan. Lafaz zikir mereka amalkan *nafi ithbat* dengan suara yang kuat, cepat dan kurang jelas sebutannya, kerana terlalu banyak tenaga mereka gunakan sehingga dapat dikatakan sebahagian pakaian peserta kelihatan basah dengan peluh semasa dan setelah selesai berzikir. Mungkin inilah cara mereka agar kesan zikir dapat meresap ke seluruh anggota badan dari ujung kaki sampai ke ujung rambut.

Pergerakan dalam berzikir adalah salah satu hal yang dapat menimbulkan fitnah di kalangan Masyarakat Islam kerana ada golongan yang menganggapnya bid'ah yang tidak dilakukan nabi dan para sahabatnya. Namun ada juga yang berhujah bahawa Ali b. Abi Talib pernah berkata: *Sekarang kita tidak lagi menyaksikan orang berzikir sambil bergerak bagaikan pokok yang ditiup angin sebagaimana di zaman nabi.* (Abd Kadir Isa: *Haqaiq 'An al-Tasawwuf.*) Pergerakan dalam berzikir sekalipun nabi tidak pernah melakukannya namun pergerakan itu tidak menyebabkan pelakunya terkeluar dari Islam atau pergerakannya menghalangnya daripada masuk syurga. Kalau nabi tidak menganggap bid'ah amalan Bilal yang solat sunat dua rakaat setiap kali selesai mengambil wudhu sebagai tanda syukur padahal solat itu jelas adalah

amalan ibadah, malah Allah memberikan Bilal semacam karamah sehingga nabi sendiri dapat mendengar bunyi seliparnya ketika berjalan di dalam syurga. Hal ini tidak bermakna umat Islam digalakkan mereka-reka macam-macam jenis solat sunat kerana nabi telah menerima amalan sunat wudhu Bilal.

Lebih baik berzikir sambil bergerak daripada tidak berzikir sama sekali kemudian menyalahkan mereka yang berzikir sambil bergerak dengan alasan bid'ah. "*Zikir yang disertai dengan pergerakan lebih cepat menyampaikan pengalamannya kepada tujuannya daripada zikir tanpa pergerakan*" (Abd Samad al-Palembani: *Hidayah al-Salikin*)

Mereka yang tidak bersetuju dengan zikir yang disertai dengan pergerakan tidak perlu menjadikan amalan mereka yang bergerak sebagai satu masalah besar yang dihadapi umat Islam. Sama halnya dengan kenduri arwah pada hari ketujuh, ke empat puluh dan ke seratus. Tidak sepatutnya dijadikan isu besar yang boleh merenggangkan ukhuwwah umat Islam, mereka yang yakin ada kebaikannya biarkan mereka melakukannya kerana mereka juga tidak memaksa orang lain melakukannya, mereka yang tidak yakin tidak perlu menyalahkan mereka yang mengamalkannya sehingga seakan menganggap mereka melakukan dosa besar yang tidak akan diampunkan. Kita menghormati mereka yang sangat menjaga iman dan amalan mereka daripada tercemar dengan unsur bid'ah dan khurafat, tetapi kita tidak perlu terlalu agresif menyalahkan mereka yang tidak sealiran dengan kita. Kita sebaiknya mengamalkan prinsip imam Syafi'e "*Pendapat saya benar ada kemungkinannya salah pendapat orang lain salah ada kemungkinannya benar*".

Syaikh Yusuf Makassar menjelaskan bahawa makna *nafi ithbat* bagi mereka di peringkat permulaan ialah "Tidak ada yang disembah sebenarnya kecuali Allah" bagi mereka yang di peringkat pertengahan bermakna "Tidak ada yang dituntut atau dicintai kecuali Allah" sesuai dengan bahagian kedua doa iftitah *Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku adalah untuk Allah*. Bagi mereka yang berada di peringkat ketiga makna *nafi ithbat* ialah "Tidak ada yang wujud pada hakikatnya kecuali Allah".

Tarikat Naqsybandiah mengutamakan zikir di hati iaitu dengan lafaz Allah, Allah tanpa suara dengan hujah yang perlu dilembutkan

adalah hati sementara lidah sudah sedia lembut. Manakala tarikat Qadiriah mengutamakan zikir Nafi ithbat dengan suara yang kuat agar dapat mencergaskan badan, menghalau rasa mengantuk dan dapat juga menghalau syaitan. Teori-teori ini sudah mereka lakukan dan ternyata berkesan, oleh sebab itu dikatakan bahawa tokoh Sufi yang pertama menggabungkan antara zikir khafi Allah, Allah dengan zikir Nafi ithbat ialah syaikh Khatib al-Sambasi dari Borneo seterusnya lahirlah satu tarikat bernama tarikat Qadiriah Naqsyabandiah (TQN) yang berpusat sekarang di Tasik Malaya, Suryalaya, Jawa Timur, Indonesia. Hingga hari ini menjadi antara tarikat Tasawwuf di alam Melayu yang sangat aktif.

*Wahdah al-Wujud* adalah satu istilah dalam ilmu Tasawwuf Falsafi yang selalu dinisbahkan kepada Ibn Arabi. Istilah ini mempunyai sekurang-kurangnya dua makna yang berlainan, yang pertama bermakna *Pantheism* iaitu serba tuhan segala apa yang ada di alam ini adalah tuhan. Makna kedua hanya satu yang ada di alam ini pada hakikatnya iaitu Allah sahaja atau dikenali sebagai wujud hakiki yang tidak ada pihak lain mewujudkanNya, Adapun selain Allah pada hakikatnya tidak wujud atau dikenali sebagai wuju majazi kerana diwujudkan oleh pihak lain. Persoalannya adakah Ibn Arabi bermaksud makna yang pertama atau yang kedua. Jadi, Ibn Arabi menganggap alam atau selain Allah tidak wujud kerana semuanya diwujudkan oleh pihak lain. Dan hanya Allah sahaja yang wujud dan tidak ada pihak lain yang mewujudkanNya. Wahdah ertinya satu wujud ertinya ada *wahdah al-wujud* ertinya hanya satu yang wujud. Jadi semua yang wujud selain Allah bukan dinafikan kewujudannya tetapi kewujudannya majazi bukan hakiki.

Mereka yang mengkafirkan Ibn Arabi menyangka Ibn Arabi berfahaman *Pantheism* sementara golongan kedua menerima dengan baik pandangan Ibn Arabi, seandainya beliau berfahaman seperti makna yang kedua ini. Sementara *Wahdah al-Shuhud* yang ditulis antaranya oleh Prof. Dr. Malik Badri pengasas persatuan Psikologi Islam bermakna seseorang itu hanya menyaksikan menerusi hatinya dengan penuh kesedaran bahawa hanya ada satu yang wujud pada hakikatnya iaitu Allah, selain Allah semuanya bersumber daripada Allah. Dengan kata lain Allah adalah sumber segala kewujudan. Mata kepalanya menyaksikan berbagai jenis kewujudan seperti api, air, mata hari, bulan, dan lain-lain namun hatinya hanya menyaksikan yang satu. Seperti orang buta yang

dahulunya kafir kemudian memeluk agama Islam kerana hatinya telah menyaksikan keesaan Allah (shuhud). Inilah yang dimaksudkan *wahdah al-Shuhud*. Menyaksikan hanya yang satu.

Imam al-Junaid al-Baghdadi pula mempunyai konsep *Wahdah al-Fail* keesaan atau kesatuan pembuat atau pelaku. Dengan kata lain setiap pergerakan Allah terlibat di dalamnya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Beliau selalu menghubungkan antara ilmu Tauhid dengan ilmu Tasawwuf. Ketika membincangkan ilmu Tauhid beliau banyak berhujah dengan firman Allah "*Alastu Birabbikum Qalu Bala*" Bukankah Aku tuhan kamu? Mereka menjawab ya benar. Awalnya manusia tidak adapat bergerak dan berkata-kata namun setelah Allah memberikan kekuatan untuk bergerak dan bersuara maka barulah manusia itu aktif bergerak. Sebenarnya tidak sukar untuk memahami konsep ini kalau kita selalu mengingat ungkapan "*La Hawla Wala Quwwata Illah Billah*" tidak ada daya dan upaya melainkan dengan Allah. Seorang pengkaji ilmu Tasawwuf memberi tajuk yang menarik iaitu "*The Sufi journey Towards Non-Dual Realization*" perjalanan seorang Sufi kearah menyedari satu kenyataan. Jadi untuk sampai kepada kesedaran *wahdah* ini memerlukan satu perjalanan keruhanian atau (mujahadah) kerana hati sangat mudah terpengaruh dengan apa yang dilihat dengan mata dari berbagai warna dan bentuk. Sedangkan bagaimanapun bentuk dan warna yang menghairankan atau menakjubkan menerusi pandangan mata kasar pada hakikatnya sumbernya hanyalah satu iaitu Allah SWT.

Syaikh Yusuf Makassari menjelaskana bahwa muraqabah hati ( Kesedaran) ialah rasa takut kepada azab Allah. Muraqabah ruh (Kesedaran) ialah rasa takut berpisah dari Allah dan Muraqabah sirr (Kesedaran) ialah ilmu bahawa Allah lebih dekat kepadanya daripada dirinya sendiri. Muraqabah bermakna memperhatikan dengan hati disertai ketelitian terhadap sesuatu. Jadi rasa takut kepada azab Allah, takut berpisah dari Allah dan ilmu bahawa Allah lebih dekat kepadanya daripada dirinya sendiri adalah satu pencapaian keruhanian yang tinggi, dan bukan semua semua orang awam dapat mencapainya dengan mudah.

Tanda Muraqabah hati redha atas ujian Allah sesuai makna firman Allah "*Mereka yang sabar dalam keadaan kesusahan dan kemudaratan*". Dan makna Hadis "*Jika Allah mencintai seseorang maka Allah mengujunya*" Tanda Muraqabah ruh bersungguh sungguh beramal

dengan Ikhlas sesuai makna firman Allah *“Mereka tidak diperintahkan kecuali untuk beribadah dengan Ikhlas”* tanda Muraqabah sirr berpegang teguh kepada agama Allah sesuai dengan makna firman Allah *“Barang siapa menyerahkan dirinya kepada Allah dalam keadaan berbuat baik maka sesungguhnya telah berpegang kepada tali yang kukuh yang tidak akan berpisah”*.

Syaikh Yusuf Makassari juga menjelaskan bahawa orang berzikir dengan lafaz Nafi ithbat terbahagi kepada empat golongan; pertama mengucapkan dengan lidah dan hati namun lalai mengenai maknanya serta tidak meyakinkannya mereka ini dinamakan munafik. Kedua mereka berzikir dengan lidah dan hatinya hadir dengan maknanya dinamakan orang awam yang beriman. Ketiga berzikir dengan nafi ithbat dan terjadi baginya zauq (rasa) keruhanian dinamakan orang yang khas. Keempat berzikir dengan lafaz Nafi ithbat lalu fana (hilang) dari segalanya kecuali Allah, tidak nampak pada penyaksiannya kecuali Allah mereka dinamakan khas al-khawas.

Antara natijah zikir ialah tenggelam di dalam Allah dan tidak merasakan selainNya. Sebagaimana ungkapan Ibn Arabi *“Saya tenggelam dalam hal dimana saya ghaib di dalamnya mengenai wujud dan ketiadaan”*. Syaikh Yusuf Makassari menegaskan agar murid tarikat Tasawwuf menerangi hatinya dengan zikir dan membersihkannya daripada kotoran-kotoran sifat kemanusiaan sehingga Allah Tajalla (memberi penampakkan) padanya sesuai dengan kadar maqamnya sehingga menjadi Arasy Allah lalu kamu menjadi orang yang beriman sebenarnya sebagaimana makna Hadis *“Hati orang beriman adalah Arasy Allah”*. Jika sudah demikian halnya, hati tidak akan didatangi kelalaian selama-lamanya kerana telah sampai ke maqam khas al-khawas sebagaimana ungkapan syaikh Abu Hasan al-Shazili; *“Seandainya Allah (al-Haqa) berlindung sekelip mataku maka aku bukan orang Islam”*. Begitulah tahap Iman seorang syaikh Tarekat Tasawwuf sehingga maqam syuhudnya (penyaksiannya) dapat berkekalan.

## Kesimpulan

Syaikh Yusuf Makassari ialah salah seorang ulama Sufi karismatik Nusantara yang telah menuntut ilmu agama Islam di Timur Tengah selama 20 tahun dan berjaya menerima ijazah dari 12 tarekat Tasawwuf di Timur

Tengah, menjadi penasihat Sultan Banten selama sekitar 20 tahun serta memimpin perlawanan menentang penjajah Belanda di Banten, Indonesia. Sekalipun risalah *al-Barakah al-Sailaniyyah* ringkas namun isinya berkaitan dengan zikir cukup padat dan jelas. Berjaya membentuk Masyarakat Islam di Cape Town, Afrika Selatan sekalipun hanya tinggal di sana sekitar 5 tahun sahaja. Beberapa buah karyanya dihasilkan di Srilanka ketika dibuang negeri di sana sbelum dibunag negeri kali keduam ke Afrika Selatan.

### Bibliography

- Ali Saputra. "Kajian Manuskrip *al-Barakah al-Sailaniyyah* Karangan Syaikh Yusuf al-Makassari." *Buletin At-Turas*, 2014.
- Abu Hamid. *Syekh Yusuf: Seorang Ulama, Sufi dan Pejuang*. Indonesia: Yayasan Obor, 1994.
- Abd al-Samad al-Falimbani. *Hidayah al-Salikin*. Patani, Thailand: Matba'ah Halabi, n.d.
- Boni, Laurence. *The Sufi Journey Towards Non-Dual Realization*. Master's thesis, University of Lethbridge, Alberta, Canada, 2010.
- Abd al-Qadir Isa. *Haqā'iq 'an al-Taşawwuf*. Syria: Dar Irfan, 2007.
- Al-Junaid al-Baghdadi. *Rasā'il al-Junaid*. Beirut: Dar Iqra, 2005.
- Malik Badri. *Al-Tafakkur min al-Mushāhadah ilā al-Shuhūd: Dirāsah Nafsiyyah Islāmiyyah*. USA: IIIT, 1995.
- Abd al-Ghani al-Nabulsi. *Al-Qaul al-Matīn fī Tawhīd al-Ārifīn*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2006.
- Tujimah. *Syekh Yusuf Makkassar: Riwayat Hidup dan Ajarannya*. Indonesia: Universitas Indonesia Press, 1997.